

05 MAY 2003

MNLG-LOJI/I

MLNG LANJUTKAN USIA LOJI LNG PADA KOS LEBIH RENDAH MELALUI PEMUGARAN

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Malaysia LNG Sdn Bhd (MNLG 1) hanya akan membelanjakan kira-kira RM1.0 bilion untuk melanjutkan usia loji LNGnya selama 20 tahun lagi dengan pemugarannya, kata seorang pegawai syarikat.

Pengurus besar kanannya (bahagian loji), Samsudin Miskon, berkata pemugaran akan membolehkan syarikat berbelanja kurang daripada ia terpaksa membelanjakan membina sebuah loji baru berharga di antara RM5 bilion dan RM 6 bilion sebuah.

Projek Pemugaran dan Penyusunan (MRR) MNLG bermula dua tahun lalu dengan perolehan dan reka bentuk dan kini dalam fasa pembinaannya.

"Proses ini akan melanjutkan usia loji itu selama 20 tahun lagi," beliau memberitahu wartawan di Bintulu, di mana kompleks LNG bersepadu Petronas terletak.

Kompleks itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis ini, akan merupakan kemudahan pengeluaran LNG terbesar dunia di atas tapak tunggal apabila aliran ketiga Malaysia LNG Tiga Sdn Bhd memulakan operasi pada Oktober.

Satu lagi kelebihan MRR adalah bahawa ia akan hanya mengambil masa 120 hari untuk memugarkan sebuah aliran tunggal di loji LNG apabila dibandingkan dengan tiga hingga lima tahun yang diambil untuk membina sebuah loji baru, kata Samsudin.

Keseluruhan projek MRR membabitkan tiga modul, yang pertama bermula tahun lepas. Yang kedua akan bermula pada awal 2004 dan yang ketiga pada Jun-Julai 2004.

Loji MLNG 1 yang dipugar akan beroperasi sepenuhnya menjelang akhir 2004, katanya.

Samsudin berkata kerja ke atas modul pertama akan berekoran dengan sedikit kepakaran asing tetapi orang-orang tempatan dijangka melaksanakan keseluruhan projek itu ke arah peringkat-peringkat akhir.

Kompleks itu kini mengupah kira-kira 850 orang dan 80 peratus daripadanya adalah rakyat Sarawak.

MNLG 1 mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 8.1 juta tonne setahun (MTPA), MNLG 2 sebanyak 7.8 MTPA dan MNLG 3 sebanyak 6.8 MTPA.

Kebanyakan daripada LNG itu dieksport ke Jepun, Taiwan dan Korea Selatan, menggunakan kapal-kapal tangki direka khas yang dimiliki oleh anak syarikat Petronas, Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC).

Seorang lagi pegawai loji berkata bahawa loji-loji itu, jika diselenggara dengan baik, boleh bertahan sehingga 50 tahun.

Katanya penutupan singkat hanya mengambil masa 10 hari dan loji-loji itu akan mengadakan penutupan besar sehingga 15 hari sekali setiap tiga tahun.

-- BERNAMA

SHO SHY OS